

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

ATW101: Perakaunan Kewangan I

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan 3 TIGA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Jawab DUA soalan sahaja.

- (a) Perihalkan fungsi perakaunan di dalam sesebuah organisasi perniagaan. Bagaimanakah pihak-pihak yang berkepentingan menggunakan maklumat perakaunan sesebuah organisasi?
- (b) Huraikan konsep-konsep dan andaian-andaian yang membolehkan akauntan menyediakan satu penyata pendapatan dan kunci kira-kira.
- (c) Bincangkan ciri-ciri mutu data perakaunan di dalam konteks objektif perakaunan.

(30 markah)

...2/-

Soalan 2

Timbangan duga Syarikat ABC seperti pada 31 Disember 1987 adalah seperti berikut:

<u>Akaun</u>	<u>Baki</u>
Tunai	\$27,000
Barangniaga	40,000
Bekalan	500
Sewa Bayar Dulu	2,400
Akaun Belum Bayar	7,400
Bon Belum Bayar	20,000
Saham Biasa	10,000
Perolehan Tertahan	2,000
Hasil Jualan	70,000
Belanja Upahan	33,000
Belanja Bekalan	6,500

Maklumat Tambahan

1. Semua akaun yang ditunjukkan di atas adalah berbaki biasa.
2. Pengiraan fizikal inventori barangniaga pada 31 Disember 1987 menunjukkan baki barangniaga yang masih ada berjumlah \$15,000.
3. Bekalan yang masih ada pada 31 Disember 1987 berjumlah \$2,500. Penyimpan buku telah mendebitkan akaun belanja bekalan setiap kali bekalan dibeli. Bagaimanapun, bekalan berharga \$1,000 yang diterima pada 30 Disember 1987 belum lagi direkod tetapi telah dimasukkan dalam pengiraan inventori.
4. Sewa bulanan ialah \$100. Sewa bagi 1988 dibayar pada 15 Disember 1987. Pembayaran ini telah direkodkan.
5. Pada 31 Disember 1987, gaji yang belum dibayar kepada para pekerja berjumlah \$200.
6. Kadar kupon bon ialah 5%. Bunga bagi tempoh 1 Julai - 31 Disember 1987 mesti dibayar pada 2 Januari 1988. Bon-bon tersebut telah diterbitkan pada 1 Julai 1987.

...3/-

7. Dividen \$1,000 diisyiharkan (belum bayar) pada 30 Disember 1987.
8. Belanja cukai pendapatan bagi tahun 1980 dikira sebanyak \$2,500.

Dikehendaki

- (a) Sediakan catatan jurnal pelaras dan tunjukkan kesannya dalam satu lembaran kerja.
- (b) Sediakan catatan jurnal penutup dan tunjukkan kesannya dalam lembaran kerja.
- (c) Sediakan Penyata Pendapatan Syarikat ABC bagi tahun berakhir 31 Disember 1987 dan Kunci Kira-Kira seperti pada 31 Disember 1987.

(25 markah)

BAHAGIAN B

Soalan 3

- (a) Huraikan prinsip-prinsip am yang harus diamalkan bagi sistem pengawalan dalaman. Nyatakan prinsip khusus yang digunakan bagi mengawal tunai perniagaan.  
(5 markah)
- (b) Dengan memberikan contoh-contoh, terangkan bagaimana baki tunai yang ditunjukkan di dalam akaun syarikat boleh berbeza dengan yang dinyatakan di dalam penyata bank.  
(5 markah)
- (c) Perihalkan dua pendekatan yang boleh digunakan untuk perakaunan bagi hutang lapuk. Bagi setiap pendekatan bincangkan kebaikan dan kelebihannya.  
(5 markah)

...4/-

Soalan 4

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'susut nilai'? Terangkan kesan susut nilai kepada penyata pendapatan dan kunci kira-kira.

(5 markah)

- (b) Pada 1 Januari 1980 Syarikat Bolehbua membeli peralatan berharga \$200,000. Peralatan itu dijangka berusia guna selama lima tahun dan nilai bersih sisaan pada akhir usia guna diramalkan \$20,000

Dikehendaki

Sediakan satu jadual susut nilai bagi tahun-tahun 1980 - 1984 dan tunjukkan bagi tiap-tiap tahun (1) nilai buku peralatan pada awal tahun (2) caj susut nilai bagi tahun berkenaan (3) susut nilai terkumpul pada akhir tahun dan (4) nilai buku peralatan pada akhir tahun. Sediakan satu jadual berasingan bagi setiap kaedah berikut:

- (i) garis lurus
- (ii) baki berkurangan (2 ganda kadar garis lurus)
- (iii) jumlah angka tahun.

(10 markah)

Soalan 5

- (a) Terangkan apa yang anda fahami dengan konvensyen konservativisme di dalam penilaian inventori.

(5 markah)

- (b) Aktiviti Syarikat XYZ berkaitan dengan salah satu daripada barangannya sepanjang 1987 adalah seperti berikut:

1 Jan	Inventori mula	:	20,000 paun @ \$1.00	sepaun
15 Jan	Jualan	:	15,000 paun @ \$2.00	sepaun
15 Mac	Belian	:	40,000 paun @ \$1.05	sepaun
30 Jun	Jualan	:	35,000 paun @ \$2.10	sepaun
15 Sep	Belian	:	30,000 paun @ \$1.10	sepaun
15 Dis	Jualan	:	15,000 paun @ \$2.15	sepaun
15 Dis	Kos gantian (Harga pasaran)	:	\$1.10	sepaun

...5/-

Dikehendaki

- (i) Tentukan margin kasar bagi tahun 1987 jika kaedah penilaian MDKD digunakan secara sistem inventori berkala.
- (ii) Tentukan margin kasar bagi tahun 1987 jika kaedah penilaian MKKD digunakan secara sistem inventori berkala.
- (iii) Tentukan kos barang dijual bagi tahun 1987 jika penilaian MKKD digunakan secara sistem inventori berterusan.
- (iv) Tentukan kos barang dijual bagi tahun 1987 dengan menggunakan kaedah penilaian kos purata.

(10 markah)

Soalan 6

- (a) Terangkan perbezaan, jika ada, perakaunan bagi ekuiti pemilik di antara perniagaan pemilik tunggal dengan sebuah syarikat.
- (b) Berikut ialah bahagian ekuiti pemilik Kunci Kira-Kira Eton Bhd. seperti pada 31 Disember 1987.

Ekuiti Pemilik

Saham Biasa:

Dibenarkan 50,000,000 saham biasa, \$0.50 nilai tara	\$25 juta =====
Diterbitkan 12,000,000 saham biasa \$0.50 nilai tara	6 juta
Premium saham biasa	10 juta
Perolehan tertahan	15.6 juta -----
	31.6 juta =====
	...6/-

[ATW 101]

Pada 1 Julai 1987, Lembaga Pengarah Syarikat Eton Bhd. telah mengisytiharkan pecahan saham dua untuk satu (2:1). Ketika itu, harga pasaran saham ialah \$8.00 sesaham. Pada 30 November 1987 pula dividen tunai berjumlah \$0.10 sesaham telah diisytiharkan berdasarkan jumlah saham yang telah diterbitkan.

Dikehendaki

- (i) Sediakan bahagian ekuiti pemilik Kunci Kira-Kira Syarikat Eton seperti pada 31 Disember 1986.
- (ii) Sediakan catatan jurnal, jika perlu, untuk merekod pecahan saham dan pengisytiharan dividen di dalam tahun 1987.

(10 markah)

- oooOooo -